

>>> Sekilas Info

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

BENGKEL KERJA PELAKSANAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) OUTCOME BASED BUDGETING KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) BAGI PERSEDIAAN PERMOHONAN BELANJAWAN TAHUN 2026



Pada 7 hingga 9 Mei 2025, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menghantar dua orang wakil dari Pejabat SQRC dan Pejabat Bendahari untuk menyertai Bengkel Kerja Pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Outcome Based Budgeting (OBB) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bertempat di Hotel Mercure, Pulau Pinang. Bengkel ini dianjurkan sebagai sebahagian daripada persediaan permohonan Belanjawan Tahun 2026, khususnya bagi memastikan penyelarasan antara KPI institusi dengan objektif strategik KPT. Penyertaan UNIMAS dalam bengkel ini mencerminkan komitmen berterusan universiti dalam memastikan perancangan strategik dan pelaporan prestasi institusi serta amalan tadbir urus kewangan yang berkesan.



MESYUARAT KERJA PENGUJIAN PENGINTEGRASIAN DATA PELAJAR UNIVERSITI AWAM (UA) SECARA HAMPIR MASA NYATA

Pada 26 hingga 27 Mei 2025, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menghantar seorang wakil dari pejabat SQRC untuk menghadiri Mesyuarat Kerja Pengujian Pengintegrasian Data Pelajar Universiti Awam (UA) Secara Hampir Masa Nyata yang telah diadakan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Objektif utama adalah untuk menguji keberkesanannya integrasi data pelajar menggunakan kaedah secara hampir masa nyata, iaitu satu pendekatan yang membolehkan penghantaran data dapat dilakukan dengan lebih pantas, selamat dan efisien. Langkah ini bertujuan memperkuuh sistem pengurusan data pelajar dalam ekosistem pendidikan tinggi Negara, sejajar dengan inisiatif pendigitalan yang sedang digiatkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Mesyuarat ini turut membuka ruang kepada semua UA untuk memberikan maklum balas serta berkongsi cabaran teknikal yang dihadapi di peringkat institusi masing-masing. Usaha ini merupakan langkah penting dalam mendukung agenda pendigitalan pendidikan tinggi Negara melalui pengurusan data yang lebih cekap, selamat dan tersusun.



STRATEGIC RISK WORKSHOP FOR SF1: FUTURE-READY GRADUATES



Pada 13 Mei 2025, satu sesi Strategic Risk Workshop bagi Strategic Function 1 (SF1): Future-Ready Graduates telah diadakan bertempat di Staff Lounge, Rumah Universiti, UNIMAS. Bengkel ini melibatkan penyertaan aktif daripada pelbagai pusat tanggungjawab yang berkaitan secara langsung dengan inisiatif pemerkasaan graduan masa hadapan termasuk CFlex, UG, HEPA, USC, UEC, UNIC, UBS, PPP, CGS, NEXTRA, PKP, COSHe, Pejabat Bendahari dan Pejabat CDO. Bengkel ini merupakan platform penting untuk menggalakkan perbincangan strategik rentas PTj, sekaligus memperkuuh pendekatan bersepadan dalam pengurusan risiko. Penganjuran bengkel ini menggambarkan dedikasi UNIMAS terhadap tadbir urus risiko strategik secara menyeluruh serta usaha berterusan untuk memperkuuh kualiti graduan melalui perancangan yang lebih berfokus dan mampan.



SQRC

Strategy Quality Risk Centre

PROGRAM SQRC MEI 2025

BIL.	Perkara	Tarikh
1.	Mesyuarat Perancangan Jawatankuasa Pemandu dan Kerja Pelan Strategik 2026 – 2030 dan Mapping UNIMAS Action Plan 2025 X Program Signature Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) 2025 X Outcome Based Budgeting (OBB)	5 Mei 2025
2.	Bengkel Kerja Pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Outcome Based Budgeting (OBB) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi Persediaan Permohonan Belanjawan Tahun 2026	7 – 9 Mei 2025
3.	Strategic Risk Workshop for SF1: Future-Ready Graduates	13 Mei 2025
4.	Mesyuarat Pemurnian Data Pelaporan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2025	14 – 15 Mei 2025
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Strategi dan Kualiti UNIMAS Khas Bil.01/2025	16 Mei 2025
6.	Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Exit Survey Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	22 Mei 2025
7.	Mesyuarat Kerja Pengujian Pengintegrasian Data Pelajar Universiti Awam (UA) Secara Hampir Masa Nyata	26 – 27 Mei 2025



SOROTAN AKTIVITI



TAHNIAH



Pn. Dayang Mazina Awang Batu
atas penerimaan
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
MAGU 2025

PENGURUSAN & PENTADBIRAN

Pengarah, Prof Gs Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir. Dr Marini Sawawi | **Ketua Penolong Pendaftar**, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Tadbir**, Puan Nur Shereen Ezaty Mohamed Fauzi | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088



STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
Universiti Malaysia Sarawak
Aras 3, Canselor
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>